

# B. Malaysia di sekolah2 menengah mulai '82 —Mahathir

BH - 7 MAY 1975

BAHAU, Selasa.

**M**ENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyatakan pada tahun 1982 nanti semua mata pelajaran di Sekolah Menengah kecuali Bahasa Inggeris akan diajar dalam Bahasa Malaysia.

Bellau menyatakan demikian ketika merasmikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China di sini.



DR. MAHATHIR

"Dalam hal ini kemahiran dalam Bahasa Malaysia adalah perlu untuk mengikuti pelajaran di Sekolah Menengah.

"Kelulusan dalam Bahasa Malaysia adalah perlu untuk mendapatkan sijil lulus dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan juga dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Menengah," katanya.

Bellau seterusnya menerangkan Bahasa Malaysia akan menjadi bahasa utama di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di negeri ini.

Bagaimanapun bellau

menerangkan, selain dari Bahasa Malaysia, mata-mata pelajaran lain juga mempunyai kepentingan masing-masing, walaupun Bahasa Malaysia diterima sebagai bahasa rasmi namun murid-murid jangan meninggalakan Bahasa Inggeris.

## Penting

"Murid-murid harus menitikberatkan juga mata pelajaran ini kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa untuk berbagai ilmu pengetahuan yang belum dapat kita adakan dalam Bahasa Kebangsaan," katanya.

Menurutnya, mata-mata pelajaran Ilmu Sains dan Ilmu Hisab juga mempunyai kepentingan sendiri.

"Pada masa ini negara sedang dalam proses pembangunan dan kerana itu kita memerlukan ramai ahli-ahli sains dan teknologi untuk menampung segala keperluan pembangunan tadi.

"Saya berseru kepada murid-murid supaya menumpukan minat terhadap mata-mata pelajaran tersebut kerana ini akan menjamin peluang-peluang mereka pada masa akan datang," katanya.

## Tugas

Bagaimanapun menurutnya semua kejayaan itu mesti ditanggung bersama oleh guru-guru dan ibu-bapa.

"Kedua-dua pihak mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam perkembangan pelajaran seseorang kanak-kanak," katanya.

Bellau menerangkan guru-guru harus menvedari tentang tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik; ibu-bapa pula janganlah meletakkan seluruh tanggungjawab pelajaran dan pendidikan kepada guru-guru sahaja.

"Kanak-kanak dalam usia yang mentah mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat, dadah, dan kejatuhan akhlak jika dibiarkan tanpa sebarang kawalan," katanya.

Menurut bellau kerajaan telah menambah bantuan selain dari bangunan sekolah yang indah dan alat-alat kemudahan seperti memberi pinjaman buku teks kepada murid-murid miskin.

"Projek ini menelan belanja yang besar dan kerana itu saya minta ibubapa dan murid-murid bekerjasama dengan guru-guru menjaga buku-buku itu supaya boleh digunakan pada masa akan datang," katanya.